

Beliau bersama delegasinya mengadakan perjumpaan dengan Naib Canselor sebelum pertemuan dan perbincangan dengan UUM COLGIS.

Prof. Dr. Didit ketika ditemui berkata, kunjungan beliau dan delegasinya adalah untuk membincangkan berkaitan dengan program '*Double Degree*', penawaran program sarjana, penerbitan jurnal, penganjurkan seminar dan pertukaran pelajar dan kakitangan dari kedua universiti ini.

"Saya begitu senang dengan pertemuan dengan Dato' Naib Canselor tadi dan berharap perbincangan dan perancangan antara kedua universiti ini dapat mencapai matlamatnya," ujar beliau lagi.

Sempena kunjungan delegasi ini mereka juga dibawa melawat sekitar kampus ini.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my